

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, PAS telah berpakat dengan DAP bagi memecah undi Melayu dalam pilihanraya umum 8 Julai ini.

Katanya, Barisan Nasional akan mendedahkan kepada rakyat segala rancangan kerjasama kedua parti itu.

Menurut beliau, BN sedang membuat analisa yang menyeluruh mengenai pakatan PAS dan DAP itu untuk memecah undi Melayu dalam pilihanraya ini.

Dalam pertemuan dengan pemberita-pemberita selepas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Penerangan Pilihanraya BN di Ibu pejabat UMNO Malaysia, di sini tengahari ini Dato Seri Dr. Mahathir menyebut dua perkara sebagai bukti wujudnya pakatan dua parti itu bagi memecah undi Melayu.

Pertama, PAS meletakkan ramal calonnya menentang calon UMNO di kawasan-kawasan Melayu dan

Kedua, PAS tidak pernah mengemukakan DAP dan begitu juga DAP.

Hadir sama dalam mesyuarat itu Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah yang juga Pengarah Pilihanraya BN Negeri Sembilan.

### Analisa

"Banyak lagi bukti-bukti menunjukkan PAS ada bekerjasama dengan DAP. BN sedang membuat analisa dan kita akan jelaskan kepada rakyat," ujarnya.

Dato Seri Dr. Mahathir mendakwa, dasar Parti PAS dalam pilihanraya ini ialah untuk memecahkan undi Melayu dan para pemimpinnya sentiasa mencari jalan untuk tujuan itu.

Katanya lagi, PAS sanggup bekerjasama dengan DAP asalkan dapat pecahkan undi Melayu.

"Musuh PAS hanyalah UMNO," tegas beliau.

# Mahathir: PAS nak pecah undi Melayu

Oleh **NORDIN MOHAMAD**

Katanya, penghijrahan Yang Dipertua Agung PAS bertanding di kawasan Parlimen Padang Terap dipandang sepi dan sebagai satu perkara biasa bagi rakyat Kedah.

"Datuk Asri tidak merupakan keistimewaan kepada orang-orang Kedah, dia adalah biasa sahaja," ujarnya.

Ditanya peluang kemenangan Datuk Asri di kawasan itu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, pemimpin PAS itu akan terperangkap di Padang Terap dan "dia akan merasainya pada 8 Julai ini," katanya lagi sambil ketawa.

Menteri Kewangan Tengku Razaleigh pula bercekap kepada para pemberita terdahulunya berkata, politik Datuk Asri akan berkubur di Padang Terap.

Sambil berjenaka beliau berkata: "Dalam kehidupan manusia, jodoh perempuan, tanah kubur dan rezeki tidak dapat diketahuhi dan dalam hal ini, Datuk Asri telah mengetahui jodohnya, tapi tanah kuburnya beliau tidak menge-



**DR. MAHATHIR**

tuhi dan dia kali ini akan berkubur di Padang Terap."

Menurutnya, BN akan melancarkan serangan habla-habisan terhadap Datuk Asri yang bertanding menentang Dato Seri Syed Ahmad Shahabuddin di kawasan tersebut.

Dato Seri Dr. Mahathir menyatakan lagi, BN akan menggunakan jentera biasa untuk menentang Datuk Asri dan lain-lain kawasan sepanjang pilihanraya ini.

Beliau kemudian menegaskan, bekas-bekas ahli atau pemimpin parti komponen BN yang bertanding sebagai calon Bebas tidak akan diterima menjadi ahli BN, walaupun parti berkenaan menerima mereka semula, tetapi BN tetap tidak menerima.

### Tak terima

Bila ditanya mengapa pula ahli Parlimen Bebas Kimanis, Sabah Encik A.K. Aliuddin diterima bertanding atas tiket BN di kawasan yang sama dalam pilihanraya umum ini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata: "Ini pilihanraya lain, syarat-syarat dalam pilihanraya sudah-sudah tidak sama dengan pilihanraya ini — ini perkara lain."

Katanya lagi, kali ini kita tidak akan menerima mana-mana ahli atau pemimpin parti komponen BN yang keluar bertanding Bebas untuk masuk semula dalam BN.

Mengenai kedudukan Haji Hassan Adil yang telah keluar dari Parti Berjasa dan dibenarkan bertanding atas tiket BN di kawasan Parlimen Bagan Datok, Timbalan Perdana Menteri berkata, peluang yang diberi kepada Haji Hassan itu sebagai satu perkara istimewa dalam konteks krisis pucuk pimpinan Berjasa baru-baru ini.

Katanya: "Sepatutnya Haji Hassan Adil bertanding atas tiket Berjasa, tetapi kita ragu-ragu kertas pencalonannya ditolak berikutan krisis pucuk pimpinan parti itu baru-baru ini yang menimbulkan perbedaan pendapat antara Ustaz Ali Taib dengan Datuk Haji Mohamad Nasir."

### Kelonggaran

Menurutnya, untuk mengelakkan kertas pencalonan Haji Hassan Adil ditolak, kelonggaran diberikan kepada beliau bertanding atas tiket BN dan ini satu perkara istimewa.

Mengenal calon Bebas yang bertanding di kawasan Parlimen Kinabatangan, Sabah, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, salah seorang dari mereka yang menang boleh diterima masuk dalam BN.

Keberanian ini hanya diberi kepada calon Bebas di kawasan itu sahaja kerana USNO dan Berjaya tidak meletakkan calon bertanding di kawasan itu, tetapi mereka dibenarkan menyokong calon-calon Bebas yang pro parti berkenaan, katanya.

USNO dan Berjaya masing-masing mendakwa mereka berhak meletakkan calon untuk bertanding di kawasan tersebut dalam pilihanraya ini, bagi mengelakkan pertikaian kedua parti komponen BN itu, atas cadangan pucuk pimpinan BN kedua parti bersetuju tidak bertanding.

Ditanya pendapatnya mengenai kertas pencalonan beberapa orang calon dari BN ditolak, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, ini menunjukkan tidak berlaku pilih kasih atau berat sebelah dalam soal itu.

Katanya, pihak BN menerima keputusan tersebut dan tidak akan membuat sebarang bantahan.

Menyentuh perpecahan dalam DAP berikutan keluarnya Timbalan Pengerusi Kebangsaan parti itu, Encik Daing Ibrahim dari parti tersebut, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, DAP dan para pemimpinnya tidak mempunyai prinsip perjuangan.

Katanya lagi, mereka bertanding dalam pilihanraya hanya untuk menang sahaja.

No. Siri: 1348

No. Per: 1019/80